

Soalan

Apakah hukum kita sebagai Muslim memakan daging buaya untuk tujuan perubatan?

Jawapan

Islam sangat mementingkan kebaikan dan kesihatan. Dalam aspek kesihatan orang Islam disuruh supaya menjaga tubuh badan agar sentiasa berada dalam keadaan sihat. Di samping itu, Islam menyuruh umatnya berikhtiar untuk berubat apabila dijangkiti sesuatu penyakit. Daripada Abu Hurairah *Radiallahu anhu*, bahawa Nabi *Sallallahu alaihi wassalam* bersabda:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Maksud: "Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 5678)

Walau bagaimanapun, dalam perubatan Islam yang melibatkan unsur haiwan, bahan yang digunakan hendaklah bukan dari haiwan yang dilarang oleh hukum syarak dalam menggunakannya atau memakannya ataupun tidak disembelih mengikut hukum syarak. Ini termasuklah memakan daging buaya sebagai ubat kerana ia bersifat haiwan darat yang menerkam mangsanya dengan taring dan bukan sepenuhnya hidupan air. Dalam hadis Abu Tha'labah *Radiallahu anhu* beliau berkata iaitu:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ أَكْلِ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبَاعِ

Maksud: "Sesungguhnya Rasulullah *Sallallahu alaihi wassalam* menegah daripada memakan setiap haiwan yang memiliki taring haiwan pemburu."

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 5530 dan Muslim, 1932)

Buaya adalah binatang yang dikategorikan sebagai haiwan yang hidup dua alam. Para ulama *al-Syafiiah* mengharamkan haiwan dua alam yang mampu hidup di darat dan di dalam air sekiranya tiada persamaan dengan haiwan darat yang boleh dimakan. Mereka mengharamkan haiwan seperti katak, ular, monyet, buaya dan penyu. (*al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*)

Oleh yang demikian, hendaklah diusahakan untuk berubat dengan bahan yang dipastikan tiada unsur najis agar tidak terjerumus dengan perkara yang diharamkan oleh agama.